

Sasar raih kontrak RM2b

» Weststar Aviation perluas operasi khidmat pengangkutan helikopter



Mohd Zaky Zainuddin

zaky@bh.com.my

► SINGAPURA

Weststar Aviation Services Sdn Bhd, anak syarikat Weststar Group, menyasar meraih kontrak bernilai sekurang-kurangnya RM2 bilion menjelang akhir tahun ini, sekali gus meningkatkan nilai kontrak terkumpulnya melebihi RM10 bilion.

Sejak 2008 hingga kini, Weststar Aviation memiliki pelbagai kontrak dalam tangan yang dimuktamadkan bersama 19 syarikat minyak dan gas (O&G) di dalam dan luar negara bernilai lebih RM8 bilion.



Muhammad Ismail (kanan) dan Alaimo bertukar dokumen di Pusat Pameran Changi, Singapura, semalam.

Helikopter luar pesisir

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin, berkata sasaran itu mampu dicapai menerusi langkah pengembangan operasi bagi perkhidmatan pengangkutan helikopter luar pesisir di seluruh dunia yang akan dimuktamadkan tahun ini.

Katanya, syarikat akan menyediakan perkhidmatan pengangkutan membabitkan dua helikopter miliknya kepada sebuah syarikat gas O&G terkemuka di Maghribi bermula bulan depan, sekali gus menjadi kontrak kedua diperoleh tahun ini selepas Songkhla, Thailand.

"Kami juga dalam proses

bidaan untuk mendapatkan kontrak sama di Mozambique dan jika berjaya, ia akan dimuktamadkan tahun ini," katanya kepada media selepas majlis menandatangani perjanjian pembelian helikopter dengan AgustaWestland sempena Pameran Udara Singapura di Pusat Pameran Changi Singapura, semalam.

Turut hadir, Ketua Rantau Asia Tenggara AgustaWestland dan Pengarah Urusan AgustaWestland Malaysia Sdn Bhd, Vincenzo Alaimo.

Pada 24 Januari lalu, Weststar Aviation memperoleh kontrak pertama tahun ini membabitkan perjanjian selama tujuh tahun bernilai RM2 bilion yang dimeterai dengan PTT Exploration and Production (PTTEP).

Ia bagi menyediakan operasi perkhidmatan pengangkutan helikopter luar pesisir di Songkhla, sekali gus menjadikan Thailand sebagai destinasi pertama bagi syarikat itu di Asia Tenggara dan kedua pada peringkat antarabangsa selepas di Mauritania bermula tahun lalu.